

Peguam Negara ada budi bicara dalam pendakwaan ilcut Perlembagaan

Anwar tidak campur tangan DNAA Zahid

UTDSAN MALAYSIA 2 0 SEP 2023 ' I

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR** Harun berhubung keputusan **dan MOHD. FADHLISULAIMAN** melepaskan tanpa membebas-
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri pendakwaan jenayah ke atas Anwar Ibrahim menafikan ber- Timbalan Perdana Menteri itu. bincang dengan Tan Sri Idrus Sebaliknya, Perdana Menteri campur tangan dalam kes Ah-

berkata, beliau meminta pen-
jelasan berhubung keputusan
DNAA tersebut dan jika boleh
memohon Idrus menanguh-
kan keputusan tersebut.

Kata Anwar, beliau tidak

mad Zahid dan mengetahui Pe-
guam Negara ada budi bicara
pendakwaan dan keputusan
seperti termaktub dalam Per-
lembagaan Persekutuan.

Bersambung di muka 2

Anwar tidak campur tangan DNAA Zahid

Dari muka 1

Kata Perdana Menteri, keputusan DNAA bukan perkara baharu, malah, pernah berlaku membabitkan beberapa kes sebelum ini dan menjadi rujukan.

"Kenyataan sebelum ini seolah-olah Perdana Menteri campur tangan. Kita cakap dengan hukuman dan keadilan, bukan dengan andaian. Apakah saya berbincang? Bila Peguam Negara buat keputusan, saya tanya dia apa alasan, dia beri 11 alasan, bukannya bincang.

"Tan Sri Idrus terpaksa tarik atas alasan tertentu, saya cakap tidak boleh tangguh? Dia cakap tidak boleh. Saya tahu ramai tidak puas hati, termasuk kawan-kawan saya, tapi saya faham. Tapi, janganlah menghukum saya campur tangan.

"Adakah ada rujukan? Ada. Sebelum ini, beberapa rujukan membabitkan beberapa kes. Oleh kerana kes DNAA ini melibatkan kes dibangkitkan, akhirnya keputusan dibuat Peguam Negara," kata Anwar ketika sesi menggulung perbahasan Kajian Separuh Penggal (Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) di Dewan Rakyat di sini semalam.

Pada 4 September, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memutuskan Ahmad Zahid dilepas tanpa dibebaskan daripada 47 pertuduhan membabitkan rasuah, pecah amanah dan pengubahan wang haram

"Tan Sri Idrus terpaksa tarik atas alasan tertentu, saya cakap tidak boleh tangguh? Dia cakap tidak boleh."

ANWAR IBRAHIM

dana Yayasan Akalbudi.

Keputusan tersebut mengundang pelbagai reaksi termasuk mendesak kerajaan memanggil Idrus dan penggantinya, Datuk Ahmad Terrudin Mohd. Salleh memberikan penjelasan.

Ahli Parlimen Muar, Syed Saddiq Abdul Rahman menarik diri daripada menyokong Kerajaan Perpaduan kerana tidak berpuas hati dengan keputusan DNAA Ahmad Zahid,

Sesi Perdana Menteri menjawab DNAA kecoh apabila berlaku pertikaman lidah antara pembangkang dan kerajaan. Kemuncak kekecohan tersebut, Ahli Parlimen Perikatan Nasional keluar Dewan Rakyat sebagai protes selepas Datuk Dr. Radzi Jidin (PN-Putrajaya) diarah berbuat demikian oleh Speaker.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, beliau hairan dengan sikap beberapa ahli parli-

men pembangkang yang tidak mempedulikan siasatan kes membabitkan bekas pemimpin terdahulu, namun, tidak pernah membangkitkan isu itu sehingga ke hari ini.

"Saya terkesan dan ucap terima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat dengan semangat menentang rasuah, ini kesepakatan suara keras menentang keras, ini perkembangan baik," katanya.

Dalam pada itu, pertengkaran antara Perdana Menteri dan ahli-ahli Parlimen Perikatan Nasional (PN) tercetus ekoran kenyataan Anwar yang didakwa mengeluarkan kata-kata mengaitkan penarikan pendakwaan dengan Ahli Parlimen Putrajaya.

Bagaimanapun, Anwar menjelaskan beliau tidak menuduh individu tertentu secara spesifik.

"Kamu tahu pentadbiran dahulu bagaimana, Peguam Negara yang sama iaitu Tan Sri Idrus," kata Anwar

Sementara itu, Anwar menegaskan, tiada siasatan terhadap tindakan kritik kerajaan, sebaliknya siasatan hanya membabitkan jika ahli politik itu menyentuh isu 3R iaitu agama, kaum dan raja.

Sepanjang penjelasan DNAA oleh Perdana Menteri, Ahmad Zahid dilihat tidak berada di Dewan Rakyat.

Sidang Dewan Rakyat semalam turut meluluskan KSP RMK12 yang dibentangkan Perdana Menteri.